

'Nampak mulut berbuih'

H.M 24/06/08 M15 13

Pengakuan saksi lihat seorang ibu paksa dua anaknya minum racun

>>>Oleh **HADZLIHADY HASSAN**
hadzlihady@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: "Mengamalkan tuhan sayangkan wanita itu dan anaknya... kalau dia tak singgah di rumah saya, mungkin keadaan menjadi lebih buruk," kata Maznin Hamzah, 29, yang menyaksikan kejadian seorang ibu cuba memaksa dua anaknya minum racun, Khamis lalu.

Menurut Maznin, kejadian berlaku kira-kira jam 5 petang ketika suaminya baru menjejakkan kaki di rumah selepas pulang daripada kerja.

"Suami kemudian ternampak seorang wanita berjubah dan bertudung putih dalam keadaan tergesa-gesa mengambil air di paip depan

rumah kami.

"Apabila ditanya, wanita itu mengatakan dia mengambil air kerana mahu mencuci kereta selepas mendakwa anaknya muntah dalam kenderaan terbabit," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurut Maznin, dia kemudian keluar ke pekarangan rumah sebelum wanita terbabit memintanya sehelai kain untuk mencuci muntah dalam keretanya.

"Saya memberi kain buruk kepadanya, namun tiba-tiba dia menengking dan menjerit meminta kain lebih elok.

"Tindakan pelik itu menimbulkan keraguan saya dan suami sebelum kami ternampak seorang daripada anaknya keluar dari kereta dengan mulut ber-



IMBAS KEMBALI... muka depan Harian Metro, semalam.

buih," katanya.

Maznin berkata, sebaik melihat anaknya keluar dari kereta, wanita itu tergesa-gesa membawa kanak-kanak terbabit masuk semula ke dalam kenderaan.

"Dia kemudian memecut laju keretanya kerana bimbang perbuatannya diketahui sebelum berhenti di sebuah tadika kira-kira 50 meter dari rumah kami.

"Saya dan suami yang curiga dengan kelakuan wanita terbabit mengekori kenderaannya sebelum ternampak dia memaksa seorang anaknya minum air sabun," katanya.

Menurutnya, beberapa penduduk turut ada di tempat kejadian selepas menyedari kekecohan itu sebelum menghubungi polis apabila melihat kanak-kanak itu dalam keadaan lemah dan mulut berbuih.

Katanya, dia dan suami turut melihat bekas kuning di-

percaya mengandungi racun, namun ketika ditanya, wanita terbabit menafikannya dan mendakwa cecair itu ialah 'air biang'.

"Saya tak tahu bagaimana nasib mereka tiga beranak jika tidak singgah di rumah kami," katanya yang bersyukur dua kanak-kanak berkenaan dalam keadaan sihat.

Harian Metro semalam melaporkan, seorang ibu yang dikatakan dibebani masalah hutang bertindak luar batasan apabila cuba memaksa dua anaknya minum racun rumpai.

Namun, dia dikatakan hanya sempat memberi racun itu kepada anak berusia enam tahun sebelum tindakannya disedari orang awam.

Berikutan tindakannya, wanita berusia 39 tahun itu yang juga jururawat ditahan reman selama empat hari bagi membantu siasatan.